

29 JAN 2001

Bahrain-tiba

PERDANA MENTERI BAHRAIN TIBA UNTUK LAWATAN RASMI TIGA HARI

SEPANG, 29 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Bahrain Shaikh Khalifa bin Salman Al-Khalifa tiba hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia.

Shaikh Khalifa yang diiringi delegasi seramai 55 anggota termasuk empat menteri, diberikan sambutan permaidani merah di Lapangan Terbang Antarabangsa KL.

Menyambut ketibaan beliau ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Shaikh Khalifa kemudian memeriksa barisan kehormat oleh 103 anggota dan pegawai Batalion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja, yang memainkan lagu kebangsaan kedua-dua negara.

Shaikh Khalifa kemudian diperkenalkan kepada anggota Kabinet Malaysia, pegawai kanan kerajaan dan diplomat asing.

Lawatan itu adalah atas jemputan Dr Mahathir.

Kedua-dua pemimpin itu dijadualkan mengadakan perbincangan di pejabat perdana menteri di Putrajaya hari ini, sebelum mengetuai delegasi masing-masing dalam perbincangan bagi mempertingkatkan kerjasama dua hala.

Mereka juga dijangka akan membincangkan isu serantau dan antarabangsa untuk kebaikan bersama.

Malaysia dan Bahrain dijangka akan menandatangani memorandum persefahaman bagi mewujudkan suruhanjaya bersama yang akan merintis jalan bagi kerjasama ekonomi yang lebih erat antara kedua-dua negara.

-- BERNAMA

AFY AZZ RI